



Selasa, 14 Januari 2020 | 2:01pm

## Pusat operasi Foodbank Malaysia beroperasi awal Februari ini

Oleh Samadi Ahmad  
cnews@nstp.com.my

**PUTRAJAYA:** Pusat pengumpulan dan pengedaran makanan, Foodbank Malaysia di Bukit Angkat dekat Kajang, dijangka mula beroperasi awal bulan depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata pusat yang hampir siap dibina itu, lebih sistematik bertujuan memudahkan usaha menyalurkan bantuan.

Beliau berkata, pada masa ini aset Foodbank Malaysia semakin bertambah seperti trak makanan yang digunakan untuk menghantar bantuan dan memerlukan sebuah pusat bagi meletak kenderaan terbabit.

"Pusat pengumpulan dan pengedaran ini juga memudahkan makanan dan bahan mentah yang diberikan penyumbang disimpan dengan lebih baik dan tidak mudah rosak," katanya pada sidang media selepas menghadiri Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) Antara Yayasan Food Bank Malaysia dan Nestle (Berhad) di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Food Bank Malaysia, Ab Wahab Long dan Pengerusi Nestle Malaysia, Tan Sri Syed Anwar Jamalulail.

Kerjasama antara Nestle Malaysia dan Yayasan Food Bank Malaysia itu diadakan selama dua tahun bagi membekalkan produk makanan Nestle kepada lebih 50,000 keluarga B40 dan golongan miskin tegar di seluruh negara.

Program Food Bank Malaysia yang dilancarkan sejak 22 Disember 2018 itu, bertujuan mengurangkan kos sara hidup rakyat, di samping menangani masalah pembaziran makanan.

Saifuddin berkata, pusat pengumpulan itu juga dapat mengurangkan birokrasi dan mempercepatkan kerja agihan tanpa menunggu masa yang lama.

Menurut beliau, sejak dilancarkan November tahun lalu, sebanyak 1,984 metrik tan makanan sudah disalurkan kepada 476,250 penerima dan bagi Program Food Bank Siswa pula sebanyak 12,251 penerima membabitkan 21 universiti.

Katanya, pada tahun ini program Food Bank Siswa akan diperluas kepada 123 kampus institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara.

"Antara penerima terdiri dari institut pengajian tinggi swasta (IPTS), politeknik dan Institut Pendidikan Guru (IPG) dengan keutamaan kepada penuntut daripada keluarga berpendapatan rendah," katanya.



Saifuddin (tiga dari kanan) bergambar dengan sebahagian produk Nestlé selepas menghadiri MOU Antara Yayasan Food Bank Malaysia dan Nestlé (Berhad) di Putrajaya, hari ini. - NSTP/Luqman Hakim Zubir

